

Rugi RM41.7b dalam tempoh 8 tahun

» 34,766 belia maut nahas jalan raya sejak tahun 2006

Oleh Muhammad Mustakim Ramli dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Dengan anggaran kerugian RM1.2 juta bagi setiap belia yang maut, negara kehilangan potensi ekonomi yang amat besar apabila 34,766 belia terbunuh akibat kemalangan jalan raya sejak tahun 2006 hingga Disember lalu.

Jumlah itu menjadikan nilai kerugian mencecah RM41.7 bilion hanya bagi tempoh lapan tahun dan dijangka terus bertambah berdasarkan statistik Ops Selamat tahun ini yang menunjukkan peningkatan jumlah korban di jalan raya berbanding tahun lalu.

Ambil kira pelbagai aspek

Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Dr Muhammad Marizwan Abdul Manan, berkata nilai kerugian setiap belia yang maut itu adalah berdasarkan kajian dan pengiraan yang dibuat pada tahun 2001.

Pengiraan itu berdasarkan perangkaan yang mengambil kira pelbagai aspek dari segi purata



Muhammad Marizwan

jangka hayat individu di negara ini dan sumbangannya jika dia hidup lama seperti jumlah kewangan yang diperolehi, status perkahwinan, kematian dan ke-

hilangan yang dialami negara.

Seorang individu yang berkahwin dan memiliki dua anak serta bergaji RM3,000 sebulan, secara purata akan menyumbangkan RM1 juta sepanjang hayat dan jika dia mati, itu hasil kerugian yang dikira.

Kajian tahun 2001

Anggaran kerugian itu berdasarkan kajian oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya, Prof Madya Dr Mohd Fauzi Mohd Yusoff, pada tahun 2001.

“Kehilangan belia dalam lingkungan umur produktif untuk menyumbang kepada ekonomi negara akibat kemalangan jalan raya perlu ditangani dengan ka-

edah yang berkesan dan tersusun,” katanya kepada BH.

Muhammad Marizwan mengakui kerugian hampir RM42 bilion yang dialami negara dalam tempoh lapan tahun adalah nilai yang besar.

“Apabila kehilangan sebanyak itu, negara kehilangan tenaga kerja, tenaga belia dan bakat berpotensi yang sepatutnya mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

“Kebanyakan kemalangan maut khususnya membabitkan penunggang motosikal berusia antara 16 tahun hingga 20 tahun,” katanya.

Meningkat sekali ganda

Mengulas lanjut, Muhammad Ma-


rizwan berkata, MIROS sedang melakukan kajian untuk mendapatkan anggaran terkini bagi setiap kematian akibat kemalangan jalan raya.

Beliau menjangkakan anggaran kerugian semasa bagi seorang individu yang maut meningkat sekali ganda kepada RM2.4 juta.

“Antara faktor menyumbang kepada peningkatan dua kali ganda itu ialah kenaikan kos sara hidup, inflasi serta pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST),” katanya.

INFO

Kematian belia mengikut peringkat umur dari tahun 2006 - 2014



BH
7/8/2015
mls 15

Ikuti BH Plus di www.bharian.com.my untuk lebih gambar dan video